

Jawab semua soalan berikut.

1. Gambar 1 menunjukkan penubuhan sebuah organisasi.



Gambar 1

Apakah kaedah yang digunakan oleh organisasi tersebut dalam menjalankan perniagaan?

- A Mendapat subsidi daripada agensi swasta
- B Memberi perkhidmatan penjagaan secara percuma
- C Caj perkhidmatan yang ditawarkan melebihi harga kos
- D Menjana keuntungan hasil daripada sumbangan orang ramai

2. Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

- Dikenakan cukai pendapatan individu
- Dimiliki dan diurus oleh seorang pemilik sahaja
- Sumber pembiayaan seperti simpanan sendiri dan pinjaman daripada saudara- mara.

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan tunggal
- D Syarikat sendirian berhad

3. Gambar 2 berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 2

Antara berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan pemilikan tersebut?

- I Cukai pendapatan yang rendah
 - II Tiada had maksimum pemegang saham
 - III Liabiliti terhad atas modal dilaburkan yang
 - IV Modal daripada jualan syer terhad kepada 10 orang
- A I dan II B I dan IV
C II dan III D III dan IV

4. Antara berikut, yang manakah cabaran perniagaan bersaiz sederhana?

- A Kos overhead tinggi
- B Masalah aliran tunai
- C Ketidakpastian pasaran
- D Undang-undang dan peraturan kerajaan

5. Maklumat berikut berkaitan dengan Raja Roti Telur.

Encik Akmal merupakan seorang pengusaha kilang Raja Roti Telur di Lahad Datu, Sabah. Raja Roti Telur diedarkan melalui pemborong di seluruh Malaysia. Beliau menggaji seramai 77 orang pekerja tetap di kilangnya. Jualan tahunan beliau ialah sebanyak RM18 juta.

Apakah saiz dan skala perniagaan tersebut?

	Saiz	Skala
A	Kecil	Tempatan
B	Sederhana	Kebangsaan
C	Besar	Kebangsaan
D	Sederhana	Negeri

6. Bagaimanakah sesebuah negara dikatakan mencapai guna tenaga penuh?

- A Lambakan pekerja asing
- B Negara di bawah paras kemiskinan
- C Peningkatan pengangguran geseran
- D Kadar pengangguran di bawah empat peratus

7. Antara berikut, yang manakah peranan kerajaan dalam menangani isu deflasi?

- I Memberi nasihat dan perundangan
- II Melaksanakan dasar kerajaan
- III Meningkatkan kadar cukai
- IV Melaksanakan dasar fiskal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Maklumat berikut merupakan faktor yang membawa perubahan pada persekitaran perniagaan.

Keadaan politik yang tidak stabil dan diburukkan lagi dengan ekonomi yang lembap serta perlahan merupakan faktor yang mempengaruhi trend perniagaan di sesebuah negara.

Apakah perubahan tersebut?

- A Meleset
- B Menurun
- C Mendatar
- D Menyusut

9. Antara berikut, yang manakah kesan perubahan dari aspek pasaran?

- I Pembangunan dalam teknologi
- II Kadar pengangguran berkurang
- III Memperkukuh pertumbuhan ekonomi
- IV Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. Antara berikut, yang manakah pelaksanaan dasar fiskal oleh kerajaan dalam membantu perkembangan ekonomi negara?

- I Menambah peruntukan perbelanjaan kerajaan untuk menggalakkan sesuatu sektor perniagaan
- II Kerajaan mengurangkan kadar cukai bagi meningkatkan kuasa beli pengguna
- III Kerajaan mengurangkan penawaran barang dan perkhidmatan di pasaran
- IV Bank Negara Malaysia meningkatkan kadar faedah semasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Pernyataan berikut berkaitan dengan sumber manusia.

Cik Norlaila bercadang untuk mengambil sumber manusia dalaman bagi mengisi kekosongan jawatan akauntan di premis perniagaannya.

Apakah kelebihan pengambilan sumber manusia dalaman?

- A Memotivasikan pekerja
- B Melahirkan idea baharu
- C Menambah kemahiran yang pelbagai
- D Bersemangat dalam menjalankan tugas

12. Pernyataan berikut berkaitan dengan perubahan persekitaran perniagaan.

PADU Asia Tenggara mengumumkan jalinan kontrak bersama Mantap Solar Sendirian Berhad yang bertanggungjawab mereka bentuk dan membina sistem solar di atas bumbung premis perniagaan.

Apakah faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan?

- A Ekologi
- B Kewangan
- C Pemasaran
- D Teknologi Maklumat

13. Apakah maksud misi sesebuah perniagaan?

- A Penerangan tujuan atau matlamat utama sesebuah perniagaan
- B Perancangan yang ingin dicapai dalam jangka panjang
- C Penetapan sasaran yang lebih khusus
- D Pernyataan yang boleh diukur

14. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif sesebuah perniagaan.

Syarikat Madniehan Sendirian Berhad ingin meningkatkan jualan sebanyak 40% pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya dalam tempoh setahun.

Apakah ciri-ciri SMART yang ada dalam penetapan objektif Syarikat Madniehan Sendirian Berhad?

- I Spesifik
- II Munasabah
- III Jangka masa
- IV Boleh dicapai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Apakah tujuan penetapan visi dalam sesebuah perniagaan?

- A Mendorong semua pihak yang terlibat memahami dan bekerjasama
- B Memberi fokus kepada sasaran kerja dan jalan yang diinginkan
- C Menggambarkan sasaran yang ingin dicapai secara spesifik
- D Mengagihkan sumber secara cekap dan berkesan

16. Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan objektif perniagaan.

Kedai Komputer Samril dan Khadrie terpaksa menilai semula objektif perniagaan berikutan penularan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Apakah faktor luaran yang mempengaruhi perubahan objektif perniagaan tersebut?

- A Ekonomi
- B Kewangan
- C Pemasaran
- D Demografi

17. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian.

Cik Hernah telah dilantik sebagai kerani pentadbiran di sebuah syarikat pemaju perumahan.

Apakah peranan Cik Hernah?

- A Menguruskan mesyuarat
- B Menyediakan bajet kewangan
- C Melaksanakan program induksi
- D Menyediakan kemudahan pengangkutan

18. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Encik Raienlif.

Memastikan perbelanjaan setiap bahagian berdasarkan bajet yang telah diluluskan.

Apakah peranan Encik Raienlif?

- A Jualan
- B Kewangan
- C Pemasaran
- D Pengagihan

19. Maklumat berikut berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat.

- Memaparkan harga diskaun produk dalam laman web.
- Menerangkan cara agihan barang yang disalurkan kepada pengguna.
- Menyatakan maklumat produk yang dijual di Facebook dan Instagram.

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Jualan
- B Pembelian
- C Pemasaran
- D Pengeluaran

20. Maklumat berikut berkaitan dengan sesuatu bahagian fungsian.

Encik Aizad Firhan seorang pemilik restoran menjual nasi ayam menerima bahan mentah daripada Pemborong Ayam AZ setiap hari. Beliau membuat bayaran secara tunai.

Apakah pihak yang terlibat dalam interaksi tersebut?

- A Bank
- B Pembekal
- C Pelanggan
- D Agensi Kerajaan

21. Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?

- A Membina imej baik organisasi
- B Membangunkan tenaga organisasi kerja dalam organisasi
- C Mengurangkan risiko kemerosotan perniagaan akibat kerugian
- D Meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi



22. Pernyataan berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Ganjaran pekerja berdasarkan pengalaman, kelayakan, kemahiran dan keperluan pekerjaan.

Apakah aspek tersebut?

- A Penempatan pekerja dan kemudahan
- B Standard operasi prosedur
- C Penyelesaian masalah
- D Sistem penggajian

23. Perbualan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkeraan di syarikat telekomunikasi.

Rafiq: Saya tidak memiliki ijazah dalam bidang pemasaran tetapi diserap sebagai Eksekutif Pemasaran di Damai Berhad oleh majikan saya bagi menggantikan pekerja asal yang telah dinaikkan pangkat.

Fadhlur: Wah, awak sangat beruntung! Saya juga bersyukur kerana ditawarkan kerja selepas 3 bulan tamat pengajian di universiti. Saya tidak perlu menganggur terlalu lama. Kini, saya bekerja di Gembira Berhad.

Apakah kemahiran kebolehkeraan kedua-dua yang diperlukan oleh syarikat telekomunikasi berikut?

	Damai Berhad	Gembira Berhad
A		
B	Pengalaman	Kelayakan
C	Kelayakan	Pengetahuan Produk
D	Keberkesanan Capai Pasaran	Pengalaman
	Pengalaman	Keberkesanan Capai Pasaran

24. Apakah yang dimaksudkan dengan harta intelek?

- A Mereka cipta produk atau inovasi produk
- B Menghasilkan karya seni yang perlu dilindungi
- C Suatu hasil kreativiti dan ciptaan daya seseorang
- D Menggunakan karya yang dikawal dalam satu tempoh

25. Gambar 3 merupakan satu produk baharu yang dilancarkan oleh sebuah perniagaan.



Gambar 3

Apakah cara perniagaan melindungi produk tersebut?

- A Mendaftar paten kasut dengan MyIPO
 - B Mendaftar reka cipta dengan pendaftar syarikat
 - C Mendaftar paten kasut di bawah Akta Syarikat 2016
 - D Mendaftar paten kasut di bawah Akta Hak Cipta 1987
26. Gambar 4 menunjukkan sebuah syarikat pengangkutan di Malaysia.



Gambar 4

Apakah sumber fizikal yang memudahkan urusan pentadbirannya?

- A Produk siap
 - B Bahan mentah
 - C Kilang dan mesin
 - D Bangunan dan kemudahan
27. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Arrieza.

Arrieza ingin memulakan perniagaan dan memerlukan modal permulaan sebanyak RM50 000. Beliau menjadikan barang kemas yang dimilikinya sebagai cagaran.


Apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai digunakan oleh Arrieza?

- A Overdraf
- B Ar-Rahnu
- C Pemfaktoran
- D Modal permulaan

28. Pilih pernyataan yang betul berkaitan dengan kekuatan dan kelemahan sumber pembiayaan luaran.

	Kekuatan	Kelemahan
A	Cepat dan ringkas	Perlu mengikuti syarat pinjaman
B	Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa	Faedah dikenakan rendah
C	Tempoh bayaran balik secara ansuran bulanan	Memerlukan penjamin
D	Tidak melibatkan kos faedah atas pinjaman	Tidak memerlukan sebarang cagaran

29. Rajah berikut menunjukkan prosedur untuk mendapatkan sumber pembiayaan daripada Bank Rakyat.



Apakah prosedur yang sesuai bagi X?

- A Membayar yuran yang sewajarnya
- B Menyediakan aset tetap sebagai cagaran
- C Usahawan menyediakan rancangan perniagaan
- D Menyemak keperluan perniagaan yang diperlukan oleh usahawan

30. Apakah definisi kunci kira-kira?

- A Penyata yang menunjukkan aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan bagi suatu tempoh tertentu
- B Penyata yang menunjukkan keuntungan atau kerugian yang diperoleh perniagaan bagi suatu tempoh tertentu
- C Penyata berbentuk laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan bagi suatu tempoh tertentu
- D Penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan dana bagi suatu tempoh tertentu

31. Maklumat berikut berkaitan dengan pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan.

Panduan untuk mengagihkan sumber dan pemberian ganjaran kepada pekerja.

Siapakah pihak tersebut?

- A Pembekal
- B Pembiaya
- C Pemegang saham
- D Pihak pengurusan

32. Antara berikut, butiran yang manakah dicatatkan dalam penyata pendapatan?

- | | |
|------------------|------------------|
| I Pinjaman bank | III Untung kasar |
| II Overdraf bank | IV Stok awal |
-
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | B I dan IV |
| C II dan III | D III dan IV |

33. Maklumat berikut berkaitan dengan margin untung kasar bagi tahun 2022 dan tahun 2023.

Jenis Nisbah	2022	2023
Peratus margin untung kasar	35%	20%

Antara berikut, yang manakah sebab perubahan tersebut?

- I Kos jualan tidak terkawal
- II Harga jualan kurang cekap
- III Penghutang syarikat menurun
- IV Kos belian pada tahun 2023 menurun

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

34. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Cik Dayana Mahirah mengusahakan perniagaan menjual pelbagai jenis *burger*. Beliau berjaya menghasilkan pelbagai jenis *burger* baharu yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan.

Apakah ciri-ciri keperibadian Cik Dayana Mahirah?

- A Kreatif dan inovatif
B Berani mengambil risiko
C Yakin diri dan optimistik
D Bijak mengambil peluang

35. Antara berikut, yang manakah keberuntungan perniagaan kepada usahawan?

- I Melaksanakan tanggungjawab sosial
II Memenuhi keperluan dan kehendak
III Mendapat sumber manusia yang berpengalaman
IV Menambah sumber pendapatan diri dan keluarga

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

36. Penubuhan perniagaan Salun Kecantikan Aishah dan Masdiana tertaktuk pada

- A. Akta Perkongsian 1961.
B. Akta Perihal Dagangan 1972.
C. Akta Hubungan Industri 1967.
D. Akta Perihal Pendaftaran 1956.

37. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah dokumen perniagaan.

Dikeluarkan apabila pemilik membawa masuk kenderaan ke dalam perniagaan.

Apakah dokumen tersebut?

- A Memo
B Invois
C Bil tunai
D Penyata bank

38. Jelaskan konsep pemasaran?

- A Proses menawarkan diskaun dalam memasarkan produk
- B Proses menyalurkan produk kepada pengguna
- C Memilih tempat yang sesuai untuk memasarkan produk
- D Memilih saluran agihan yang sesuai untuk memasarkan produk

39. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?

- A Menyatakan langkah yang perlu diambil sebelum memulakan perniagaan
- B Menerangkan maklumat perniagaan secara terperinci
- C Memberi maklumat perniagaan yang akan dijalankan
- D Mengandungi latar belakang perniagaan

40. Maklumat berikut berkaitan dengan kepentingan rancangan perniagaan.

Sebarang kesilapan ketika menguruskan perniagaan dapat dikurangkan kerana rancangan perniagaan yang disediakan dijadikan sebagai garis panduan dalam hala tuju pengurusan perniagaan.

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A Meyakinkan pihak pelabur atau bank
- B Merancang keperluan sumber perniagaan
- C Memberi gambaran sama ada projek perniagaan dirancang berdaya maju atau tidak
- D Memberi peluang kepada usahawan menilai projek yang dirancang dengan teliti

KERTAS SOALAN TAMAT